



PEMAKLUMAN PENTING BERKENAAN PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) BAGI PELAJAR UiTM DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) 3.0

Pemakluman ini dikeluarkan berdasarkan Pekeliling Naib Canselor Bilangan 7 Tahun 2021 berkaitan Pengoperasian Universiti Teknologi MARA (UiTM) Dalam Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan 3.0 yang dikuatkuasakan **mulai 17 Mei 2021**.

Justeru itu, berikut adalah Prosedur Operasi Standard (SOP) Bagi Pelajar yang terkandung dalam pekeliling tersebut untuk perhatian semua pelajar UiTM Cawangan Negeri Sembilan, khususnya kepada pelajar yang telah diluluskan untuk kembali ke kampus pada fasa 2 sesi Mac – Ogos 2021:

1.0 PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) BAGI PELAJAR

1.1 Ketetapan Perkuliahan Bagi Pelajar

- a) Bagi pelaksanaan perkuliahan, semua pelajar **kecuali yang berkeperluan** akan menjalani sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara Terbuka dan Jarak Jauh (*Open and Distance Learning (ODL)*) hingga akhir semester. Manakala bagi pelajar yang mempunyai keperluan mendesak, sesi PdP akan dilaksanakan secara bersemuka setempat (*Face-to Face (F2F)*) mengikut kaedah pembelajaran teradun dan hibrid.
- b) Semua pelajar yang berada di kampus atau di rumah masing-masing adalah **diwajibkan** untuk membuat Deklarasi Harian Saringan Risiko COVID-19 setiap hari termasuk Sabtu dan Ahad.

1.2 Prosedur Operasi Standard (SOP) Bagi Pelajar UiTM yang Berada di Kampus

- a) Bagi pelajar yang telah kembali ke kampus selepas cuti perayaan aidilfitri boleh terus kekal berada di kampus mengikut kepada SOP yang telah ditetapkan.
- b) Pelajar yang telah berada di kampus akan meneruskan pembelajaran secara Terbuka dan Jarak Jauh (*Open and Distance Learning (ODL)*) sehingga ketetapan baharu dibuat.
- c) Kebenaran keluar / masuk bagi mendapatkan barang keperluan atau perkhidmatan yang mendesak serta urusan kecemasan hendaklah merujuk kepada Pekeliling Naib Canselor Bilangan 5 Tahun 2021.

1.3 Prosedur Operasi Standard (SOP) Pergerakan Pelajar UiTM Kembali ke Kampus Selepas Cuti Perayaan Aidilfitri

- a) Enam (6) kategori pelajar berkeperluan yang telah ditetapkan oleh Bahagian Hal Ehwal Akademik (BHEA), fakulti dan kampus sahaja dibenarkan kembali semula

ke kampus. Pelajar yang tidak termasuk dalam 6 kategori di bawah ini hendaklah mendapatkan kebenaran bertulis daripada Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP) seperti berikut;

Kategori	Butiran
1	Pelajar dari program pengajian peringkat Sijil, Diploma, Sarjana Muda dan Pascasiswazah yang memerlukan sesi F2F yang mendesak sahaja yang melibatkan praktikal, makmal, klinikal, latihan amali, studio, bengkel, kawad, padang, dapur dan peralatan khas.
2	Pelajar yang tidak mempunyai akses internet dan berada di dalam persekitaran yang tidak kondusif bagi melaksanakan PdP secara dalam talian.
3	Pelajar Asasi atau setara dan pelajar Diploma yang sedia ada di kampus boleh meneruskan pembelajaran secara hibrid.
4	Semua pelajar antarabangsa sedia ada dan baharu kecuali yang datang dari United Kingdom
5	Pelajar Berkeperluan Khas (OKU)
6	Pelajar yang menduduki peperiksaan <i>Malaysia University English Test (MUET)</i> , peperiksaan antarabangsa dan peperiksaan badan professional.

- b) Pergerakan kembali ke kampus **hanya selepas 7 Jun 2021** bagi pelajar yang berkeperluan (tertakluk kepada arahan MKN).
- c) Bagi pelajar B40 dan pelajar yang menduduki peperiksaan badan professional dibenarkan kembali semula ke kampus **sebelum 21 Mei 2021** dan hendaklah menjalani isolasi selama 10 hari di kolej kediaman yang akan ditetapkan oleh Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP).
- d) Bagi pelajar yang telah membeli tiket penerbangan balik, boleh untuk kembali ke kampus dan mereka hendaklah menjalani isolasi selama 10 hari di kolej kediaman yang akan ditetapkan oleh Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP). Walau bagaimanapun, pihak universiti menggalakkan semua pelajar kekal di kediaman masing-masing dan pelajar boleh membuat penundaan atau pembatalan penerbangan (dengan kerelaan tanpa pampasan)
- e) Pelajar **tidak diwajibkan untuk menjalani ujian swab** semasa kembali semula ke kampus. Hanya pelajar yang memasuki Sabah sahaja yang perlu menjalani ujian swab dan tertakluk kepada arahan semasa Kerajaan Negeri. Pelajar yang memasuki Sabah **adalah diwajibkan** menjalani ujian swab RT-PCR atau RTK-Ag dalam tempoh tiga (3) hari sebelum pergerakan ke Sabah.
- f) Segala kos pergerakan kembali ke kampus, menjalani ujian swab (mengikut keperluan) termasuk implikasi kos terhadap penundaan atau pembatalan penerbangan adalah di bawah tanggungan pelajar sendiri.

- g) Selaras dengan ketetapan ini, semua arahan untuk hadir sesi perkuliahan secara bersemuka setempat (F2F) yang telah dikeluarkan oleh fakulti/PTJ dalam **tempoh 17 Mei 2021 hingga 7 Jun 2021 adalah terbatal.**

1.4 Nota tambahan berkaitan kebajikan pelajar sejurus tiba di kampus

Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP) UiTM CNS sentiasa berusaha memastikan kebajikan para pelajar di ketiga-tiga kampus sepanjang tempoh isolasi. Setibanya pelajar di kampus, adalah dimaklumkan bahawa:

- a) Semua pelajar perlu isolasi selama 10 hari di kolej kediaman bermula dari tarikh ketibaan di kampus. Ini bagi membendung penularan Covid 19 dalam kalangan pelajar yang kembali ke kampus untuk menjamin kesejahteraan warga UiTM CNS..
- b) Sepanjang tempoh isolasi, satu bilik hanya menempatkan seorang pelajar sahaja dan pelajar juga tidak dibenarkan keluar daripada bilik tersebut. Oleh itu, pelajar hanya dibenarkan menempah pakej makanan melalui *google form* yang disediakan dan makanan tersebut akan dihantar ke hadapan pintu bilik pelajar tersebut.
- c) Selepas tamat tempoh isolasi, pelajar dibenarkan keluar daripada bilik dan menggunakan kemudahan yang ada dalam kampus seperti perpustakaan dan makmal komputer bagi tujuan pembelajaran. Kafe dan kedai serbaneka di dalam kampus juga dibuka untuk kemudahan pelajar membeli makanan dan barangan keperluan. Pelajar dikehendaki mematuhi SOP sebaik saja keluar dari bilik untuk menggunakan kemudahan dan fasiliti serta berurusan dengan staf di pejabat pentadbiran universiti.
- d) Jawatankuasa Operasi Bencana Negeri (JOBN) UiTM Cawangan Negeri Sembilan telah memberi kebenaran kepada pelajar membeli barang keperluan di luar kampus dengan syarat pelajar dibenarkan keluar dalam tempoh dua jam dan menaiki kenderaan yang disediakan oleh UiTM serta diiringi oleh pegawai pengiring yang terdiri daripada staf UiTM.
- e) Semua ruang niaga kampus UiTM CNS di kampus Kuala Pilah, Seremban dan Rembau beroperasi seperti biasa mengikut waktu operasi ruang niaga yang ditetapkan oleh UiTM.
- f) Pejabat Polis Bantuan UiTM CNS sentiasa komited dalam memastikan keselamatan para pelajar sepanjang proses isolasi pelajar. Dalam keadaan kecemasan, Polis Bantuan di ketiga-tiga kampus sentiasa boleh dihubungi dalam waktu pejabat di talian berikut:

Kampus	No.Tel	Masa
Kuala Pilah	064832307	8 pagi – 5 petang
Seremban	066342818	
Rembau	066982076	

- h) Dalam keadaan kecemasan selepas waktu pejabat, Pejabat Polis Bantuan boleh dihubungi di talian berikut:

Kampus	No.Tel	Masa
Kuala Pilah	064832284	24 jam
Seremban	066342874	
Rembau	066982305	

Sehubungan dengan itu, pelajar-pelajar berkeperluan yang sebelum ini telah diluluskan untuk kembali ke kampus fasa 2 sesi Mac – Ogos 2021, pihak pengurusan UiTM Cawangan Negeri Sembilan **akan mengatur semula tarikh baharu (selepas 7 Jun 2021)** untuk pergerakan pelajar kembali ke kampus yang akan dimaklumkan dalam masa terdekat (tertakluk kepada arahan MKN).

Pemakluman ini adalah terpakai di Kampus Kuala Pilah, Seremban dan Rembau.

Sekian dan terima kasih.

"PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID-19"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Yang benar,

PROFESOR DR YAMIN BIN YASIN
Rektor
UiTM Cawangan Negeri Sembilan

18 Mei 2021